

09 APR 1996

Pemuda-Perwaja

PEMUDA UMNO MAHU DAPAT MAKLUMAT DARIPADA PERWAJA

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Pemuda Umno Malaysia akan menghantar delegasi mendapatkan maklumat daripada Perwaja berikutan pendedahan wujudnya unsur penyelewengan dalam pengurusan syarikat itu.

Ketua Pemuda Umno, Tan Sri Rahim Tamby Chik berkata maklumat yang hendak diperolehi meliputi "semua perkara yang menjejaskan kepentingan awam".

"Setelah mendapat maklumat lengkap dan mengkajinya, kita akan membuat pendirian tegas mengenai isu Perwaja," katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda di sini hari ini.

Anggota Exco Pemuda Umno, Zubir Embong, yang juga anggota lembaga pengarah Perwaja, akan menjadi penyelarasan delegasi itu. Ia diharap dapat memperolehi segala maklumat daripada Perwaja dengan seberapa segera.

Semalam Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Dewan Rakyat bahawa laporan awal audit terhadap kedudukan kewangan dan pengurusan syarikat itu, yang kerugian RM2,500 juta, menunjukkan adanya unsur penyelewengan dan penipuan.

Mesyuarat itu juga memilih lima wakil Exco Pemuda Umno, diketuai Rahim, yang akan berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu Chechnya termasuk mengemukakan cadangannya supaya Malaysia menjadi "orang tengah" dalam konflik Rusia-Chechnya.

"Kita tak mahu wujud satu lagi krisis Bosnia di Eropah Timur," katanya.

Pemuda Umno juga menubuhkan Tabung Chechnya untuk mengumpul derma orang ramai bagi menghulurkan bantuan perubatan, makanan dan pakaian kepada rakyat Chechnya. Sebanyak RM100,000 telah dikumpul untuk tabung itu.

Perkara lain yang dibincangkan termasuk mengkaji kemungkinan Pemuda Umno menubuhkan "pasukan penggempur penyakit sosial". Cadangan mengadakan pasukan itu timbul ekoran Konvensyen Kepimpinan Generasi Muda anjuran Biro Belia dan Siswazah pergerakan itu tiga hari lepas yang dirasmikan oleh Dr Mahathir.

Rahim berkata Pemuda Umno akan mematuhi keputusan Majlis Tertinggi mengenai penangguhan semua kegiatan parti yang boleh dianggap sebagai kempen bagi pemilihan Umno pada Oktober ini.

Majlis Tertinggi membuat keputusan Sabtu lepas bahawa semua anggota yang berhasrat bertanding perlu mendaftar dengan ibu pejabat manakala kempen hanya boleh dilakukan mulai Julai. Perhimpunan agung Umno dijadualkan dari 9 hingga 12 Okt.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata beliau yakin masalah Perwaja akan dapat diatasi oleh kerajaan pusat dengan baik.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas persidangan dewan undangan negeri hari ini, beliau berkata jika benar ada unsur-unsur penyelewengan di dalam syarikat itu kerajaan pusat pasti tidak akan berdiam diri.

Beliau melahirkan rasa optimis bahawa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dapat menyelesaikan masalah itu.

Katanya sebagai pemegang saham yang kecil, kerajaan Terengganu akan mengikut apa sahaja langkah yang akan diambil kerajaan pusat dalam menangani masalah itu.

Kerajaan negeri mempunyai pegangan saham sebanyak 19 peratus dalam syarikat pengeluar besi waja itu. -- BERNAMA